

Headline	Kedai Tenaga kembali beroperasi hari ini		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	12 May 2020	Language	Malay
Circulation	37,981	Readership	113,943
Section	EKONOMI	Page No	29
ArticleSize	431 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 12,049		



# Kedai Tenaga kembali beroperasi hari ini

**KUALA LUMPUR:** Tenaga Nasional Bhd (TNB) akan membuka kembali Kedai Tenaga secara berperingkat bermula hari ini (12 Mei) sejajar dengan langkah kerajaan memberi kelonggaran kepada sektor perkhidmatan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Dalam kenyataan semalam, TNB berkata, sebanyak 47 Kedai Tenaga dan 31 kios pembayaran layan diri di lima negeri iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak (kecuali di Sri Manjung) dan Kelantan yang diisytihar Kementerian Kesihatan sebagai zon hijau akan kembali beroperasi.

Waktu operasi Kedai Tenaga bermula jam 9.00 pagi sehingga jam 4.00 petang manakala kios pembayaran layan diri dari 8.00 pagi hingga 8.00 malam.

Menurutnya, tarikh pembukaan semula Kedai Tenaga

dan kios pembayaran layan diri di negeri lain akan diumumkan kelak.

"Selain pembayaran bil elektrik, pelanggan juga boleh melakukan pelbagai transaksi di Kedai Tenaga termasuk pertanyaan mengenai bil, pembayaran bil utiliti lain, permohonan bekalan elektrik, penukaran penyewa dan penutupan akaun," katanya.

Kedai Tenaga di seluruh negara telah ditutup sementara sejak 19 Mac, 2020 bagi mengelak penyebaran Covid-19.

Ketua Pegawai Runcit, TNB Megat Jalaluddin Megat Hassan berkata, berikutan pembukaan semula Kedai Tenaga secara berperingkat, persiapan telah dilakukan mengikut peraturan dan Prosedur Operasi Standard yang ditetapkan kerajaan bagi memelihara keselamatan pelanggan dan pegawai.

"Kami gembira dapat kembali beroperasi dan memberikan perkhidmatan kepada pelanggan.

"Bagaimanapun, kami berharap para pelanggan dapat mengikut langkah pencegahan yang disarankan, seiring dengan amalan normal baharu," katanya.

Antara langkah berjaga-jaga di Kedai Tenaga ialah memastikan pelanggan memakai penutup mulut dan hidung, melakukan pemeriksaan suhu badan, memberi butiran diri sebelum memasuki premis untuk tujuan pengesanan kontak, menggunakan cecair nyahkuman yang disediakan serta mengamalkan penjarakan sosial dengan berada di kawasan bertanda.

Bagi pelanggan yang inginkan alternatif lebih pantas dan mudah, mereka digalakkan menggunakan portal myTNB di [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my) atau muat turun



TNB juga menawarkan saluran alternatif bagi pembayaran digital seperti JomPAY dan perbankan Internet. Pelanggan juga boleh membuat pembayaran secara tunai di cawangan Pos Malaysia, 7-Eleven, 99 Speedmart, KK Mart, Kedai Mesra Petronas, Shell Select dan Ejen Bank Berdaftar di kedai BSN. • Foto BERNAMA

aplikasi myTNB secara percuma melalui Google Play Store atau Apple App Store untuk membayar bil.

Selain itu, TNB juga menawarkan saluran alternatif bagi pembayaran digital seperti JomPAY dan perbankan Internet. Pelanggan juga boleh membuat pembayaran secara tunai di cawangan Pos Malaysia, 7-Eleven, 99 Speedmart, KK Mart, Kedai

Mesra Petronas, Shell Select dan Ejen Bank Berdaftar di kedai BSN. Bagi setiap transaksi pembayaran, pelanggan hendaklah memastikan mereka menerima resit dan menyimpannya sebagai bukti pembayaran.

Operasi pembacaan meter TNB pula akan dijalankan secara berperingkat mulai 15 Mei, 2020 di kawasan zon hijau. Sehubungan itu,

7.5 juta pelanggan kediaan akan menerima bil dengan bacaan sebenar atau boleh diperolehi menerusi portal dan aplikasi myTNB.

Pelanggan boleh menghubungi TNB Careline di 1-300-88-5454 dari 8.00 pagi hingga jam 5.00 petang setiap hari atau e-mel kepada [tnbcareline@tnb.com.my](mailto:tnbcareline@tnb.com.my) untuk sebarang pertanyaan. – Bernama

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
7 Eleven (7 Eleven)	2	0	RM 0
99 Speed Mart Sdn Bhd (99 Speed Mart)	2	0	RM 0
99 Speed Mart Sdn Bhd (99 Speedmart Sdn Bhd)	2	0	RM 0
AVA-Animal Welfare & Stray Management (AVA-Animal Health)	1	0	RM 0
Bank Simpanan Nasional (Bank Simpanan Nasional)	2	0	RM 0
Bername - MREM (Bernama - MREM 6)	1	0	RM 0
Covid- 19 - Malaysia (Covid- 19 - Malaysia)	2	0	RM 0
DIGITAL PERAK CORPORATION HOLDINGS	1	0	RM 0
Google Inc (Google)	1	0	RM 0
Industry News - Energy Commission (EC) (Industry News -	2	0	RM 0
KK Group (KK Group )	2	0	RM 0
Ministry of Health - Covid (Ministry of Health - Covid)	1	0	RM 0
Ministry of Health (Ministry of Health)	1	0	RM 0
Ministry of Health (MOH) -SG (Ministry of Health - Special - SG)	1	0	RM 0
Ministry of Health (MOH) -SG (Ministry of Health (MOH) - SG)	1	0	RM 0
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama)	2	0	RM 0
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Pertubuhan Berita Nasional	2	0	RM 0
Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) (PETRONAS)	2	0	RM 0
PETRONAS Dagangan Berhad (PDB) (Kedai MESRA PETRONAS)	1	0	RM 0
Pharmaceuticals Industry News (Pharmaceuticals - Healthcare &	1	0	RM 0
PLUS - MCO (PLUS - MCO)	1	0	RM 0
Pos Malaysia Bhd (Pos Malaysia Bhd)	2	0	RM 0
PUB - Johor River Water Works (PUB JRWW) (Immigration &	1	0	RM 0
Ramsay Sime Darby Health Care Group (Ministry of Health - Malaysia	3	0	RM 0
Shell Malaysia Trading Sdn Bhd (Shell Malaysia Trading Sdn Bhd)	2	0	RM 0
Star Reacher - Coronavirus (Star Reacher - Coronavirus)	1	0	RM 0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional )	10	0	RM 0